

Dedah maklumat kepentingan awam

TI-M saran pinda Akta
Rahsia Rasmi untuk
tingkatkan ketelusan
kerajaan

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM

Transparency International Malaysia (TI-M) mencadangkan agar Akta Rahsia Rasmi 1972 dipinda bagi meningkatkan tahap ketelusan tadbir urus kerajaan seterusnya memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia yang jatuh ke tangga 57 dunia bagi 2020.

Presidennya, Dr Muhammad Mohan berkata, kerajaan harus menyempitkan ruang lingkup Akta Rahsia Rasmi agar perkara yang menarik perhatian rakyat misalnya kontrak dirunding secara terus tidak dirahsiakan.

Menurutnya, hanya perkara yang berkaitan dengan kesela-

matan negara wajar dilindungi.

“Kerajaan juga disyorkan membuat kemas kini awam secara berkala mengenai status kes mahkamah berprofil tinggi yang belum selesai.

“Pemantauan terhadap pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NCAP) dan perlu mengemas kini kemajuan tentang 115 inisiatif yang dilakukan serta ia dihebahkan kepada awam,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan laporan CPI 2020 secara maya pada Khamis.

Terdahulu Muhammad berkata, berdasarkan analisis oleh TI-M, kejatuhan CPI Malaysia bagi tahun 2020 mungkin disebabkan beberapa faktor termasuk akses terhad maklumat mengenai kepentingan awam.

Katanya, maklumat mengenai perkara tersebut tidak sepertinya diletakkan di bawah klau-sa perjanjian tanpa pendedahan melainkan jika hal itu mempengaruhi keselamatan negara.

“Contoh maklumat yang tidak didedahkan berkaitan pam-pasan penamatan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR)



Kerajaan disaran menyempitkan ruang lingkup Akta Rahsia Rasmi agar perkara yang menarik perhatian rakyat misalnya kontrak dirunding secara terus tidak dirahsiakan.

Malaysia-Singapura dan pam-pasan sebenar yang dibayar oleh Goldman Sachs dalam kes 1MDB (1Malaysia Development Bhd) masih belum diketahui,” kata Muhammad.

Muhammad berkata, kerajaan juga dicadangkan memberi kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk bertanggungjawab terhadap peranan perkhidmatan awam dalam menjayakan dan menca-

pai matlamat NACP.

Jelasnya, kerajaan juga perlu mengamalkan piawaian antarabangsa mengenai perjanjian integriti dalam prokumen kerajaan untuk ketelusan dan pemerintahan yang baik.

“Kuasa dan kebebasan juga mestи diberikan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Pengukuasaan (EAIC).

“Kerajaan juga perlu mem-beri mandat bahawa Laporan

Ketua Audit Negara mesti diba-haskan di Parlimen dan menjadikan Jabatan Audit Negara hanya bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja,” katanya.

Muhammad turut memak-lumkan, pihaknya juga berharap kerajaan meminda Akta Suruh-anjaya Pencegahan Rasuah Ma-laysia (SPRM) bagi memboleh-kan Parlimen melantik Ketua Pesuruhjaya dan memutuskan tempoh jawatannya.

Tegasnya, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 juga harus dipinda untuk me-nyediakan saluran pelaporan yang lebih luas kepada orang ramai dan memperketat perlindungan untuk pemberi maklu-mat.

“Undang-undang pengisytih-aran aset perlu digubal untuk mewajibkan semua ahli politik dan pegawai awam berpangkat tinggi mengisytiharkan aset mereka dan maklumat itu perlu dapat diakses oleh orang ra-mai,” katanya.

Tambahnya, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 juga perlu dipinda untuk memasukkan se-katan terhadap rasuah.